



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (Company No. 902884V)
(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan dengan pembangunan dan penyiapan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, untuk menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp ingin mempelawa bakal Pembida untuk mengambil bahagian didalam RFP bagi perkhidmatan seperti yang dinyatakan didalam jadual dibawah:

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT RFP	TAKLIMAT RFP
<p>REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR THE SELECTION OF PARKING OPERATOR FOR IDENTIFIED SITES ALONG THE PUTRAJAYA LINE ALIGNMENT</p> <p>(RFP NO: RFP/PD/Q19-2025)</p>	<p>Memiliki sijil pendaftaran dengan:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)2. Sijil Status Bumiputera (samada dari Kementerian Kewangan (MoF) atau Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)3. Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 221510 (Tempat Letak Kereta)	<p>Tarikh : Selasa, 8 Mei 2025</p> <p>Masa : 10.00 pagi</p> <p>Via : Aplikasi Zoom (Dalam Talian)</p> <p>Untuk menyertai Taklimat RFP, semua Pembida dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian di salah satu pautan dibawah:-</p> <ol style="list-style-type: none">1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my ;2. https://forms.gle/je9JEOkCPJGDQ5E8;3. Mengimbas Kod QR yang disediakan. <p>Pra-pendaftaran akan bermula pada 22 April 2025 sehingga 6 Mei 2025. Hanya Pembida yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan menerima e-mel zoom ID dan pautan untuk menyertai Taklimat RFP secara dalam talian.</p>

Sila imbas Kod QR untuk pra-pendaftaran:



Dokumen RFP hanya akan diberikan (tanpa bayaran) kepada syarikat yang memenuhi keperluan dokumen yang sah melalui alamat e-mel yang didaftarkan selepas sesi taklimat.

Peserta dikehendaki menyerahkan Dokumen RFP yang lengkap diisi beserta maklumat sokongan yang menyeluruh di dalam format dan kaedah penyerahan sepertimana diterangkan di dalam Dokumen RFP.

Nota:

1. Pembida dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh ditetapkan.
2. Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia..
3. Sijil-sijil pendaftaran hendaklah **SALINAN YANG DISAHKAN oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat** bagi mengesahkan kelayakan Pembida seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen RFP. Pembida adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK AKAN DITERIMA** selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
4. Dengan mengeluarkan kenyataan tawaran ini, MRT Corp tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.
5. MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana bidaan dari mana-mana Pembida tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan e-mail ke procurement@mymrt.com.my. Pembida boleh melayari laman web kami di www.mymrt.com.my untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp